

Warisan Kraf Negeri Kelantan: Jebak Puyuh

Muhammad Nazrol Hakim Mohd Sidi
Nur Yasmin Abdul Basir
Alwi Mohd Yunus

Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor.

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan untuk mengkaji dan meneliti proses pembuatan kraf tradisional yang terkenal di negeri Kelantan iaitu Jebak Puyuh. Kraf Jebak Puyuh ini diusahakan oleh seorang Adiguru Kraf Jebak Puyuh sejak 1989 iaitu Encik Che Mud Che Awang, yang berpengalaman selama berpuluh-tahun dalam menghasilkan kraf ini. Perkembangan Kraf Jebak Puyuh bermula sejak abad ke-20 apabila masyarakat menggunakan Jebak Puyuh ini sebagai alat perangkap burung puyuh untuk dijadikan sebagai sumber makanan. Alat ini menjadi sebahagian dari adat dan budaya masyarakat Melayu. Ada aspek kesenian Melayu yang unik ditampilkan dalam pembuatan Kraf Jebak Puyuh. Namun begitu, peredaran zaman telah menyebabkan perubahan dalam seni pembuatan Kraf Jebak Puyuh ini. Seni ukiran kayu dan anyaman digabungkan bagi memperindah reka bentuk Jebak Puyuh sehingga dijadikan sebagai barang hiasan di rumah-rumah peminatnya. Selain itu, kajian ini juga meneliti bahan-bahan yang digunakan bagi menghasilkan sebuah Jebak Puyuh dan melihat apakah yang membezakan kraf ini berbanding kraf tradisional lain yang sedia ada di Malaysia. Tambahan lagi, kajian turut mengkaji bagaimana sambutan masyarakat dari dalam dan luar negara terhadap kraf tradisional yang terkenal di negeri Kelantan ini.

Kata kunci: *Kraf tradisional, Kelantan, Jebak Puyuh, perangkap, burung puyuh.*

ABSTRACT

This research aimed to study and examine the process of making a traditional craft that is famous in the State of Kelantan, which is a quail trap known as Kraf Jebak Puyuh.. This craft is made by master craftsman in quail trap making, Mr. Che Mud Che Awang, who has decades of experience in producing this craft. The development of quail trap craft started in the 20th century when people used quail traps as a tool to trap quail birds as a source of food. However, as the time passed by, change nevertheless has made the art of making quail trap craft also changed. The art of wood carving and weaving of a quail trap are combined to enhance the beauty of quail trap design, and because of that quail trap craft are also used as a decorative item in the home of its fans. Other than that, this research also studied the materials used to produce a quail trap craft and identified what differentiates this craft from other traditional craft available in Malaysia. In addition, this research also looked into people's acceptance of this traditional, unique quail trap craft making among Malaysians and the international community on this famous traditional craft in the State of Kelantan.

Keyword: *Traditional craft, Kelantan, Quail Trap, bird.*

PENGENALAN

Menurut Kamus Dewan dan Pustaka Edisi Keempat (2005), kraftangan tradisional adalah daya pemikiran kreatif dan kemahiran seseorang dalam menggunakan tangan untuk menghasilkan sesuatu produk yang mempunyai nilai estetika yang tersendiri. Oleh kerana Malaysia terdiri daripada pelbagai etnik dan bangsa, terhasil lah pelbagai kraf warisan mengikut etnik dan bangsa yang tertentu. Keunikan setiap kraf itu berbeza mengikut cara pembuatan, penggunaan dan nilai estetika nya. Namun, akibat perubahan zaman kraftangan tradisional ini hanya dipandang enteng dan dilupakan oleh masyarakat. Ini disebabkan kemasukan budaya luar ke dalam negara dan kurangnya kesedaran masyarakat masa kini terhadap kraf tradisional, sehingga mereka lupa untuk memartabatkan kraf warisan nenek moyang.

Masyarakat Melayu khususnya, mempunyai seni kraf tangan tradisional yang pelbagai seperti seni anyaman, seni ukiran kayu dan banyak lagi. Seni

kraf tangan tradisional ini telah digabungkan bagi menghasilkan barangan yang mempunyai daya tarikan yang tersendiri. Kraf Jebak Puyuh contohnya, dihasilkan melalui gabungan anyaman motif pada badan Jebak Puyuh dan ukiran kayu pada bahagian pagar dan kepala pintu jebak. Pada zaman dahulu, Jebak Puyuh digunakan sebagai alat untuk menangkap atau menjerat burung puyuh liar. Kebiasaannya, Jebak Puyuh ini dipasang di belukar berdekatan dengan kawasan sawah padi. Selain itu, ia juga boleh digunakan untuk menceduk air kerana Jebak Puyuh tradisional dilumur dengan tar dan tidak akan menitiskan air.

Kraf Jebak Puyuh ini merupakan satu seni kraftangan warisan turun temurun yang terdapat di Kelantan. Reka bentuk Jebak Puyuh pada zaman dahulu amatlah berbeza jika dibandingkan dengan reka bentuknya yang sekarang. Jika dahulu, Jebak Puyuh yang dihasilkan hanya mempunyai bentuk yang mudah atau '*simple*' untuk dihasilkan, tanpa mempunyai ukiran kayu sebagai hiasan. Kini, reka bentuknya berubah mengikut hasil kreativiti masyarakat tempatan dengan menambah hasil ukiran kayu pada Jebak Puyuh.

Tuntasnya, penghasilan Kraf Jebak Puyuh ini juga berubah seiring dengan perubahan aliran masa dan kreativiti masyarakat tempatan. Namun, perubahan itu sedikit sebanyak telah menambah nilai estetik kepada sesebuah Jebak Puyuh itu. Perubahan ini juga telah menyebabkan masyarakat menggunakannya sebagai barang perhiasan di rumah. Ini kerana penghasilannya yang teliti dan kemas pada ukiran kayu dan anyaman motif yang sangat unik dan cantik.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini mengetengahkan kraftangan warisan turun-temurun yang diusahakan oleh penduduk tempatan di Malaysia, secara spesifiknya di Tumpat, Kelantan. Namun, terdapat beberapa masalah yang telah dikenalpasti yang menjadi penyebab kajian ini dilaksanakan. Antaranya ialah kurangnya kajian yang berkaitan Kraf Jebak Puyuh. Melalui kajian literatur, pengkaji mendapati bahawa kajian mengenai Kraf Jebak Puyuh ini amat berkurangan. Kajian sedia ada yang bertajuk Falsafah Seni Ukiran Kayu Melayu yang ditulis oleh Mohammad Nazzri, adalah untuk meneliti ukiran kayu yang terdapat di

bahagian pintu Jebak Puyuh. Kajian beliau hanya tertumpu pada seni ukiran dan jenis ukiran yang terdapat pada Jebak Puyuh.

Selain itu, terdapat juga kajian lepas yang bertajuk Kesenian Kraf - Proses Pembuatan Jebak Puyuh yang dilakukan oleh sekumpulan pengkaji daripada Institusi Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM. Kajian ini menceritakan tentang cara pembuatan Kraf Jebak Puyuh secara terperinci, ia juga menceritakan tentang seni anyaman daun ribu-ribu dan cara memproses daun tersebut sebelum dianyam menjadi sesuatu barangan. Namun demikian, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meneliti cara pembuatan Kraf Jebak Puyuh itu secara mendalam. Walaupun tajuk kajian yang sama telah dibuat, pengkaji merasakan bahawa kajian ini dapat dijadikan sebagai maklumat tambahan kepada individu atau pengkaji yang memerlukan di luar sana.

Tambahan lagi, kajian ini juga dijalankan kerana kurangnya sambutan masyarakat masa kini terhadap produk kraf tempatan (Bennie, 2015). Menurut Bennie lagi, walaupun pelbagai usaha dilakukan untuk menarik minat masyarakat terhadap kraf tempatan, sambutannya tetap dingin. Terutama sekali Kraf Jebak Puyuh, yang kebanyakannya diminati oleh golongan yang telah berusia berbanding golongan orang muda. Oleh itu, harapan kami dalam membuat kajian ini adalah untuk menarik minat lebih ramai anak muda tempatan terhadap produk kraf warisan ini.

Kesimpulannya, diharapkan bahawa kajian ini dapat sedikit sebanyak memberi manfaat kepada pengusaha Kraf Jebak Puyuh ini dalam memelihara dan mengekalkan keunikan kraf warisan turun-temurun ini. Di samping, dapat memperkenalkan Kraf Jebak Puyuh ini kepada generasi baharu dan menarik minat mereka untuk mempelajari cara pembuatannya.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif bagi kajian ini adalah:

- 1) Menenalpasti tujuan dan kegunaan Kraf Jebak Puyuh itu dihasilkan.
- 2) Mengkaji cara pembuatan Kraf Jebak Puyuh ini secara terperinci.
- 3) Menghuraikan jenis bahan-bahan mentah yang digunakan bagi menghasilkan sesebuah Jebak Puyuh.

PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian yang akan diketengahkan di dalam kajian ini adalah:

- 1) Apakah tujuan dan kegunaan utama Jebak Puyuh ini?
- 2) Bagaimanakah cara pembuatan Kraf Jebak Puyuh ini?
- 3) Apakah bahan yang digunakan untuk membuat Kraf Jebak Puyuh ini?

KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Umum mengetahui Malaysia mempunyai banyak tradisi yang melibatkan pelbagai kaum yang tinggal di negara ini. Namun begitu, kepelbagaian tradisi ini akan lenyap jika tiada individu yang berusaha untuk memeliharanya. Pengalaman tokoh yang melibatkan tradisi di Malaysia haruslah dipelihara supaya dapat dijadikan sumber rujukan yang boleh dipercayai pada masa hadapan. Pemeliharaan maklumat ini boleh dilaksanakan melalui dokumentasi lisan yang menggunakan kaedah temubual bersama tokoh berpengalaman di dalam sesuatu bidang. Terdapat beberapa kepentingan kajian lisan ini dilakukan kepada perkembangan ilmu sejarah di Malaysia.

Kepentingan kajian ini dijalankan adalah untuk **menambahbaik sumber rujukan yang telah sedia ada**. Ini merujuk kepada kekurangan sumber rujukan bertulis mengenai Kraf Jebak Puyuh ini di internet. Seringkali, pengkaji menghadapi masalah dalam mencari sumber rujukan mengenai tajuk ini. Kebanyakan sumber rujukan yang dijumpai, ditulis dengan tidak menyeluruh dan isi kandungannya yang tidak lengkap untuk dijadikan sebagai rujukan. Oleh itu, pengkaji merasakan bahawa kajian lisan yang dijalankan ini adalah penting bagi menambah sumber rujukan kepada para pengkaji yang ingin mengetahui dengan lebih mendalam tentang tajuk ini. Dengan menjalankan kajian sejarah lisan ini, maklumat yang diperolehi adalah daripada sumber primer iaitu daripada temubual tokoh yang dipilih. Oleh yang demikian, maklumat yang diperolehi adalah sahih dan boleh dipercayai.

Seterusnya ialah kajian ini dijalankan bagi **berkongsi pengalaman tokoh kepada orang awam melalui sejarah lisan**. Sejarah lisan

membolehkan tokoh untuk berkongsi pengalaman melalui temubual yang dirakamkan dan kemudiannya ditaip untuk dijadikan sebagai bahan rujukan dan pengajaran. Rakaman temu bual ini akan dipelihara bagi memastikan maklumat yang diperolehi tentang kraf warisan ini dapat digunakan pada masa hadapan, walaupun setelah tokoh yang terlibat meninggal dunia. Dengan ini, pengalaman tokoh di dalam bidang seni Kraf Jebak Puyuh dapat didokumentasikan dan dikongsi kepada orang awam, dan ini juga penting bagi memastikan masyarakat sedar tentang kewujudan kraf tradisional di Malaysia.

Selain itu, kepentingan kajian ini adalah untuk **meningkatkan kesedaran masyarakat tempatan tentang kewujudan Kraf Jebak Puyuh**. Perubahan zaman telah menyebabkan masyarakat masa kini memandang tidak endah tentang pemeliharaan warisan negara Malaysia. Kraf tradisional adalah amat penting kepada sesebuah komuniti masyarakat negara, kerana ia melambangkan identiti dan kreativiti masyarakat itu dalam menghasilkan sesebuah produk. Oleh itu, amat penting kajian dokumentasi lisan ini dijalankan bagi memperkenalkan seni kraftangan tradisional Jebak Puyuh kepada masyarakat, di samping dapat mengekalkan identiti masyarakat itu sendiri. Tambahan lagi, sejarah lisan juga membolehkan Kraf Jebak Puyuh diperkenalkan kepada masyarakat luar negara dan kesannya mereka akan lebih tertarik untuk berkunjung ke negara kita.

Akhir sekali, kajian **sejarah lisan membantu dalam memberikan gambaran yang lebih jelas tentang sesuatu bidang atau sejarah yang dikaji**. Seringkali masyarakat mengetahui tentang kewujudan Kraf Jebak Puyuh Malaysia, namun tidak ramai antara mereka yang tahu tentang nilai, cara penggunaan dan proses pembuatannya. Disebabkan oleh itu, kajian ini dijalankan bagi menggambarkan dan menerangkan dengan lebih mendalam tentang penggunaan dan proses yang terlibat dalam menghasilkan Kraf Jebak Puyuh. Hasil kajian lisan ini dapat disebarkan kepada seluruh masyarakat negara bagi memberikan gambaran yang jelas bagaimana Kraf Jebak Puyuh itu dihasilkan.

Kesimpulannya, kajian sejarah lisan adalah amat diperlukan dalam penyelidikan dan penyebaran ilmu sejarah. Pengkaji tidak boleh bergantung kepada sumber rujukan yang terdapat di perpustakaan dan arkib sahaja, sebaliknya mereka juga harus berusaha dalam mengumpulkan sejarah dan

maklumat yang berharga kepada negara (Rozeman, 2004). Dokumentasi lisan ini dapat dikekalkan dan dipelihara selama-lamanya, namun individu yang berpengalaman tentang sesuatu sejarah itu tidak akan kekal lama.

TINJAUAN LITERATUR

Terdapat pelbagai kajian lepas yang menceritakan tentang kraftangan tradisional di Malaysia. Antaranya ialah perkembangan industri kraftangan (Nik Azma, 2015), prosper dan masalah-masalah yang dihadapi oleh industri kraftangan di Malaysia (Mazidah, 1990) dan usahawan kraf di Malaysia: Analisa laluan terhadap perhubungan inovasi produk, komitmen perniagaan dan perkembangan perniagaan (Mohd Shaladdin et al., 2011). Namun begitu, didapati kajian lepas yang melibatkan Kraf Jebak Puyuh amat berkurangan. Terdapat beberapa kajian lepas berkaitan dengan Kraf Jebak Puyuh yang memfokuskan terhadap seni ukiran kayu yang terdapat pada Jebak Puyuh (Mohammad Nazzri, 2016) dan cara pembuatan Kraf Jebak Puyuh ini (Norlelawaty et al., 2014). Walaupun terdapat kajian lepas mengenai pembuatan Kraf Jebak Puyuh ini, pengkaji tetap menjalankan kajian yang memfokuskan kepada aspek cara pembuatan Kraf Jebak Puyuh dengan lebih mendalam lagi.

Definisi kraf tradisional ialah sebuah perusahaan kerja seni yang melibatkan kreativiti dan kemahiran kerja tangan seseorang yang diwarisi sejak turun-temurun, dan dapat memberikan manfaat kepada pencipta dan peminatnya (Kamus Dewan dan Pustaka Edisi Keempat, 2005). Terdapat banyak kraftangan tradisional yang terkenal di Malaysia seperti kraf anyaman, ukiran kayu, tenunan dan banyak lagi. Tambahan lagi, perkembangan kraf tradisional di negeri Kelantan telah bermula pada abad ke-19 (Nik Azma, 2015). Penghasilan kraftangan tradisional di Kelantan sedikit sebanyak menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri dan masyarakat tempatan (Mohd Shaladdin et al., 2011).

Antara kraftangan tradisional yang terdapat di negeri Kelantan adalah Kraf Jebak Puyuh. Umum mengetahui bahawa Jebak Puyuh ini digunakan untuk menangkap burung puyuh, sama ada untuk dijadikan sebagai sumber makanan atau binatang peliharaan (Siti Nur Asyikin, 2013). Namun, setelah

berlaku perubahan dari segi reka bentuk Kraf Jebak Puyuh itu sendiri, fungsinya juga turut bertambah. Menurut (Mohammad Nazzri, 2016), kewujudan Kraf Jebak Puyuh ini tidak dapat dikenal pasti secara jelas. Namun, Kraf Jebak Puyuh ini telah mula dihasilkan pada awal abad ke-20. Pada masa kini, tidak ramai individu yang pakar dalam pembuatan Kraf Jebak Puyuh. Kenyataan ini disokong oleh (Mohammad Nazzri, 2016) di dalam tesisnya yang bertajuk Falsafah Seni Ukiran Kayu Melayu. Beliau menyatakan bahawa antara pakar yang diiktiraf di Malaysia adalah Che Mud Che Awang dan Allahyarham Nik Rashidin Nik Hussein.

Sebuah kajian yang telah dilakukan menyatakan bahawa pembuatan Kraf Jebak Puyuh ini adalah sangat mudah oleh kerana bahan-bahannya boleh didapati di sekitar kampung. (Norlelawaty et al., 2014). Antara bahan-bahan yang diperlukan adalah papan untuk dijadikan tapak jebak dan ukiran pada pintu jebak. Pengkaji juga menyatakan bahawa rotan dan bilah buluh juga digunakan bagi membentuk badan jebak. Selepas itu, daun ribu-ribu dianyam mengikut motif pilihan pada kerangka badan Jebak Puyuh. Oleh kerana bahan yang digunakan mempunyai warna semulajadi, Jebak Puyuh menghasilkan kesan samaran yang amat baik (Marzudi, 2018). Beliau turut menegaskan bahawa warna semulajadi Jebak Puyuh membuatkan ia tidak kelihatan terasing kepada burung puyuh.

Tambahan lagi, corak dan motif yang terdapat pada bahagian badan dan pintu jebak itu dipengaruhi oleh unsur dan elemen alam itu sendiri. Sebagai contoh, corak bunga, daun dan akar. Jurnal Arkeologi Malaysia (2014) menyatakan bahawa, corak dan motif yang diinspirasikan oleh alam ini dicipta dan diolah oleh manusia, yang mempunyai maksud dan melambangkan budaya masyarakat setempat (Norlelawaty et al., 2014). Termasuklah dari segi adat resam, pantang larang dan nilai budi. Pada asalnya, Kraf Jebak Puyuh dihasilkan tanpa ukiran kayu dan anyaman motif pada badan. Teknik yang digunakan pada zaman dahulu adalah ikatan dan lumuran tar pada badan jebak. Mohammad Nazzri Ahmad (2014) menyatakan bahawa hiasan motif yang kompleks dan cantik pada Jebak Puyuh telah menyebabkan kraf ini dijadikan sebagai alat hiasan di rumah.

Akhir sekali, memetik artikel yang diterbitkan oleh Harian Metro pada 16 Julai 2016, (Che Mud Che Awang, 2016) menyatakan bahawa Jebak Puyuh

ini mempunyai saiz yang berbeza. Saiz Jebak Puyuh dibuat mengikut permintaan pelanggan dan harganya juga berbeza mengikut saiz dan keunikan seni hiasan pada Jebak Puyuh. Namun kebiasaannya, Jebak Puyuh hanya bersaiz kecil iaitu 26 sentimeter lebar x 30 sentimeter tinggi, yang boleh memuatkan seekor burung puyuh.

METODOLOGI

Menurut Pusat Pengajian Sejarah Lisan UKM (2007), sejarah lisan ialah satu kaedah pendokumentasian maklumat melalui temubual yang dirakamkan. Kebiasaannya, tokoh yang dipilih terdiri daripada individu yang mempunyai maklumat dan pengalaman yang bersejarah tentang sesuatu peristiwa, atau individu yang mempunyai sumbangan besar terhadap sesuatu bidang. Hasil maklumat yang diperolehi akan disemak dan ditaip untuk dijadikan sebagai bahan rujukan dan penyelidikan kepada umum.

Tokoh yang dipilih untuk ditemubual ialah Encik Che Mud Che Awang yang berasal daripada Tumpat dan lahir pada 8 Oktober 1944. Beliau merupakan individu yang sangat berkebolehan dalam seni pembuatan kraf warisan Malaysia, terutama sekali Kraf Jebak Puyuh. Kajian ini memfokuskan tentang proses pembuatan Kraf Jebak Puyuh. Setelah menjalankan proses pengumpulan data tentang tajuk yang dipilih, pengkaji mendapati bahawa Encik Che Mud Che Awang merupakan individu yang sangat berpengalaman di dalam pembuatan Kraf Jebak Puyuh ini.

Encik Che Mud Che Awang dipilih sebagai tokoh untuk ditemubual kerana keistimewaan nya dalam menghasilkan aneka kraf warisan Malaysia, Terutamanya Kraf Jebak Puyuh. Beliau merupakan individu yang bertanggungjawab dalam menambah baik dan memperindah Kraf Jebak Puyuh ini dengan anyaman dan ukiran kayu. Pada tahun 1989 beliau dilantik sebagai Adiguru Kraf Jebak Puyuh oleh Kraftangan Malaysia hasil daripada usaha dan sumbangan beliau dalam memelihara Kraf Jebak Puyuh ini. Oleh itu, pengkaji merasakan bahawa Encik Che Mud Che Awang merupakan individu yang layak untuk ditemubual disebabkan pengalamannya yang sangat luas dan mendalam di dalam bidang ini.

Akhir sekali, beberapa prosedur telah dilakukan bagi mengumpulkan data mengenai tajuk kajian yang dipilih. Data diperolehi hasil daripada sumber primer iaitu temubual bersama tokoh Encik Che Mud Che Awang di rumahnya, di Kampung Bunuhan. Pengkaji juga melawat ke bengkel pembuatan kraf nya yang terletak berdekatan dengan rumah beliau, bagi melihat secara langsung kraf itu dihasilkan. Selain itu, bagi menyokong maklumat yang diberi, pengkaji juga melakukan rujukan kajian lepas. Ini membolehkan pengkaji memahami tajuk kajian secara lebih mendalam.

HASIL KAJIAN

Latar Belakang Pembuat Jebak Puyuh

Encik Che Mud bin Che Awang merupakan seorang Adiguru Kraf Jebak Puyuh yang kini berusia 76 tahun. Menurut beliau umur sebenar beliau ialah 89 tahun namun di dalam kad pengenalan beliau berumur 76 tahun (Che Mud, 2020). Dilahirkan di Kampung Jual, Kubang Batang, Tumpat. Bapa beliau bernama Cik Awang bin Senik dan nama ibu beliau Mek Som binti Sulaiman. Beliau tidak pernah bersekolah atau mendapat sebarang pendidikan formal. Namun begitu, beliau dikurniakan dengan daya kreativiti yang sangat tinggi. Beliau mula mempelajari Kraf Jebak Puyuh seawal usia 18 tahun. Sebelum membuat keputusan untuk menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pembuatan Kraf Jebak Puyuh, beliau juga mahir dalam seni kraf yang lain seperti seni pembuatan wau, patung wayang kulit dan pembuatan serunai.



Gambar 1: Che Mud bin Che Awang

Menurut Che Mud (2020), beliau pernah beberapa kali menempuh alam perkahwinan namun jodohnya kekal berpanjangan bersama Puan Fatimah

binti Merah. Beliau kini tinggal bersama isteri tercinta Puan Fatimah di Kampung Bunohan, Tumpat, Kelantan dan telah dikurniakan empat orang cahaya mata. Anak perempuan bongsu beliau iaitu Che Som bin Che Awang merupakan insan yang mungkin bakal mewarisi kraf ini kelak. Che Som mahir dalam seni anyaman Jebak Puyuh dan selalu membantu beliau dalam menyiapkan tempahan yang diterima daripada pelanggan (Che Mud, 2020).

Bahan Dan Proses Pembuatan

Bahan yang diperlukan untuk membuat jebak puyuh ini didapatkan sendiri oleh Che Mud bin Che Awang. Setengah bahan diperoleh melalui proses pembelian dan sebahagian lain daripada bahan dicari sendiri oleh beliau (Che Mud, 2020). Hal ini demikian kerana hampir 80 peratus daripada bahan yang digunakan adalah bersumberkan alam semula jadi. Memandangkan Che Mud tinggal di kawasan kampung beliau mendapatkan sumber alam ini sendiri. Namun begitu, bahan-bahan yang diperlukan telah berkurang disebabkan kekurangan sumber alam itu sendiri.

Proses pembuatan jebak dimulakan dengan pencarian pokok reribu. Pokok reribu merupakan sejenis tumbuhan paku pakis yang hidup melata di kawasan liar (Haron et al., 2014). Menurut Che Mud (2020) terdapat beberapa jenis reribu iaitu reribu biasa atau reribu seni dan reribu besar atau dipanggil sebagai reribu gajah. Reribu yang telah dicari akan dibelah terlebih dahulu. Menurut beliau lagi, reribu boleh terus digunakan setelah didapati daripada sumber liar kerana reribu itu lebih mudah untuk dibentuk. Jika dibiarkan atau disimpan terlalu lama, ia perlu direndam air terlebih dahulu sebelum digunakan agar ia tidak patah. Hampir 70% daripada badan Jebak Puyuh ini merupakan anyaman reribu. Urat tar juga digunakan bagi tujuan ini.



Gambar 2: Pokok reribu kering untuk anyaman pada badan jebak.



Gambar 3: Urat tar.
Mempunyai peranan yang sama dengan pokok tar.

Membuat Tapak Jebak Puyuh

Proses pembuatan tapak dimulakan dengan pemilihan papan. Menurut Che Mud (2020), semua jenis papan boleh digunakan sebagai tapak, tetapi beliau mencadangkan menggunakan kayu setong dan kayu jelutung adalah lebih baik.



Gambar 4: Che Mud mendemostrasi cara mengetam kayu.

Proses dimulakan dengan mengetam kayu terlebih dahulu agar ianya licin dan mudah dikendalikan. Setelah kayu selesai diketam lakaran akan dilukis pada papan dan papan akan dipotong menggunakan gergaji G. Setelah siap diketam, papan akan dilakar dengan ukiran menggunakan pensil bagi memudahkan kerja-kerja pengukiran dan pemotongan bentuk tapak bagi Jebak Puyuh kelak. Papan segi empat akan dipotong mengikut bentuk tapak menggunakan gergaji G kerana ia lebih fleksibel dan mudah diuruskan untuk memotong bahagian melengkuk.



Gambar 5:Ukiran tapak. Anak panah menunjukkan lakaran ukiran menggunakan pensil.


Jika perlu, papan akan diketam semua bagi melicinkan permukaan bergantung kepada keadaan. Setelah papan dipotong mengikut bentuk yang dikehendaki proses mengukir tapak boleh dimulakan. Proses ini hanya menggunakan sebilah pisau kecil. Proses ukiran adalah proses yang paling singkat, Che Mud mengambil masa tiga hari atau kurang untuk menyiapkan ukiran ini (Che Mud,2020).



Gambar 6 : Che Mud mendemonstrasi cara beliau mengukir tapak menggunakan pisau kecil.

Apabila proses ukiran selesai, lubang akan ditebuk pada tapak menggunakan gerudi bagi membolehkan bilah dimasukkan pada tapak dan juga reribu. Lubang akan ditebuk pada sekeliling bahagian tapak yang melengkung. Che Mud kini tidak lagi menggunakan urat tar sebaliknya

menggantikannya sepenuhnya dengan reribu kerana urat tar agak rapuh dan sukar untuk didapati.



Gambar 7: Lubang ditebuk menggunakan gerudi. Semua bahagian dalam akan ditebuk bagi memasukkan bilah dan reribu bagi tujuan pembuatan badan kelak.

Membuat Badan Jebak Puyuh

Setelah lubang ditebuk pada papan, kini masanya untuk memasukkan dawai atau juga dikenali sebagai bilah. Jika dahulu Che Mud menggunakan rotan sebagai bilah, kini beliau memilih alternatif menggunakan dawai. Hal ini demikian kerana, dawai yang kecil mudah patah apabila lubang ditebuk padanya. Menurut beliau lagi, rotan juga semakin sukar untuk didapati pada masa kini. Setelah bilah dan reribu dimasukkan pada lubang, proses seterusnya dikenali sebagai teknik jalinan tulang belut. Menurut Che Mud (2020) jalinan ini mendapat nama kerana ia menyerupai tulang belut. Tujuan ikatan tulang belut ini adalah bagi memastikan dawai dan reribu tidak longgar dan mengukuhkan badan Jebak Puyuh.



Gambar 8: Tapak yang telah ditebuk telah dimasukkan bilah dan reribu membentuk badan asas Jebak Puyuh.


Anyaman Pada Badan Jebak Puyuh

Setelah proses memasukkan bilah, reribu dan ikatan tulang belut selesai, badan jebak akan disulam atau dianyam mengikut permintaan pelanggan. Terdapat beberapa jenis corak anyaman yang mahir dibuat oleh Che Mud. Antara anyaman untuk badan dikenali sebagai anyaman bunga soket, anyaman bunga api, anyaman mata bilis, anyaman bunga cengkih, anyaman siku keluang, anyaman bunga tanjung dan anyaman daun kelapa. Anyaman boleh dicampur mengikut permintaan pelanggan. Menurut Che Mud (2020) anyaman bunga api dan anyaman bunga soket paling mendapat sambutan daripada pelanggan. Anyaman pada badan mengambil masa paling lama untuk disiapkan iaitu 10 hari. Hal ini demikian kerana ia memerlukan daya kesabaran yang tinggi dan juga memakan masa.



Gambar 9: Contoh anyaman berbeza pada badan jebak.

Bagi bentuk pula, terdapat dua jenis bentuk Jebak Puyuh ini dibuat iaitu bentuk Singa Tidur dan badan gajah. Singa tidur mempunyai bentuk yang memanjang manakala badan gajah pula lebih pendek dan melengkuk. Badan gajah sering mendapat perhatian daripada pelanggan. Mengenai saiz, hanya terdapat dua saiz iaitu 10 inci dan 1 kaki setengah (Che Mud, 2020).



Gambar 10: Contoh Jebak Puyuh “badan gajah” yang telah siap dianyam.


Pembuatan Pagar

Pagar merupakan elemen yang paling penting dalam pembuatan Jebak Puyuh ini kerana tujuan asal Jebak Puyuh adalah untuk menangkap puyuh dan pagar atau “pintu” ini perlu diberi perhatian agar dapat menangkap puyuh. Pintu yang dibina seharusnya tertutup dengan sendiri apabila dipijak oleh puyuh yang memasuki jebak.



Gambar 11: Pandangan hadapan dan belakang Jebak Puyuh yang masih belum dipasang pagar

Dari segi pemasangan, Che Mud menjelaskan beliau menggunakan buluh untuk pagar dan juga benang bagi membuat “pukat” atau jaring. Selain itu, timah digunakan sebagai pemberat agar pagar tidak dapat dibuka setelah puyuh masuk ke dalam jebak.



Gambar 12: Pagar yang telah siap dipasang pada Jebak Puyuh

Ukiran Gunung

Menurut Che Mud (2020), tujuan ukiran gunung hanyalah untuk mencantikkan lagi Jebak Puyuh ini. Ukiran gunung tidak memainkan peranan dalam tujuan asal penangkapan puyuh. Berkenaan ukiran, terdapat beberapa jenis ukiran gunung ini. Antaranya ialah ukiran Awang Larat, ukiran bunga ‘rose’, ukiran bunga cempaka, dan ukiran kembang semangkuk. Pada masa kini beliau lebih banyak membuat ukiran Awang Larat. Proses pembuatan ukiran gunung ini juga lebih kurang sama dengan proses pembuatan tapak. Che Mud mengambil masa tiga hari bagi menyiapkan ukiran ini. Ukiran gunung diletakkan di atas bahagian pagar di bahagian hadapan jebak.



Gambar 13: Ukiran gunung pada Jebak Puyuh.

Jebak Puyuh yang telah Siap



Gambar 14: Jebak Puyuh yang telah disiapkan pandangan hadapan dan pandangan sisi



Gambar 15: Jebak Puyuh yang telah disiapkan belakang dan pandangan atas

Jebak Puyuh yang telah disiapkan dijual dengan harga RM 600 bagi saiz 10 inci dan RM 1700 bagi saiz satu kaki setengah. Menurut Che Mud (2020), proses keseluruhan bagi menyiapkan sebuah Jebak Puyuh ini mengambil masa 14 hari untuk disiapkan tidak termasuk proses pencarian bahan.

Pemasaran Jebak Puyuh

Oleh kerana Che Mud merupakan generasi tua, beliau tidak menggunakan sebarang sosial media sebagai teknik pemasaran beliau. Kebanyakan pelanggan beliau adalah hasil daripada buah mulut orang. Masyarakat mendapat tahu tentang Jebak Puyuh beliau melalui cerita orang-orang lain. Dari segi tempahan kebanyakan pelanggan akan datang berkunjung sendiri ke rumah Che Mud dan membuat tempahan. Namun begitu Che Mud menyatakan beliau juga menerima tempahan daripada panggilan telefon. Harga Jebak Puyuh yang biasa dijual oleh beliau ialah RM 600 tidak mengira jenis anyaman atau ukiran. Harga jebak agak tinggi kerana kesukaran dari segi mendapatkan bahan dan juga pembuatannya yang agak rumit. Jebak Puyuh yang bernilai RM600 ini bersaiz 10 inci. Menurut beliau beliau kini hanya membuat jebak yang bersaiz 10 inci. Bagi yang bersaiz 1 kaki setengah beliau menjualnya dengan harga RM1700. Bagi saiz besar ini, beliau hanya membuatnya jika ada permintaan daripada muzium atau sebarang badan Kraftangan atau kerajaan. Buat masa ini beliau hanya menumpukan kepada jebak yang bersaiz 10 inci. Dari segi sambutan pula, masih ramai orang yang berminat untuk mendapatkan Jebak Puyuh ini (Che Mud, 2020). Terdapat beberapa orang pelanggan yang sedang menunggu giliran untuk mendapatkan Jebak Puyuh ini.

Cabaran Dalam Mengekalkan Jebak Puyuh

Cabaran utama dalam mengekalkan Jebak Puyuh ini adalah faktor usia beliau. Ketika temuduga dijalankan beliau dalam keadaan yang kurang sihat dan terpaksa dipendekkan masa temuduga. Hal ini menyebabkan beliau juga terpaksa memberhentikan buat seketika proses pembuatan Jebak Puyuh ini. Beliau juga menjelaskan bahawa tangan beliau sudah tidak sekuat dahulu dalam mengendalikan barang-barang yang diperlukan. Selain itu, dari segi bahan, bahan semakin hari semakin sukar untuk didapati. Jebak Puyuh juga mengambil masa yang lama untuk disiapkan.

Harapan

Harapan beliau agar kraf Jebak Puyuh ini dapat dipelihara dan dikekalkan selama-lamanya. Ini kerana beliau ingin seni kraftangan yang unik

dan indah ini dapat dikenali dan dihargai oleh generasi muda akan datang. Sehingga beliau sanggup mengambil keputusan untuk berhenti sepenuhnya dalam seni pembuatan kraf tradisional yang lain seperti seni pembuatan wau, wayang kulit, bermain serunai dan sebagainya dengan harapan Kraf Jebak Puyuh ini tidak akan lupus ditelan zaman. Pada pendapat beliau, seni kraf tradisional seperti wau dan wayang kulit ini masih mempunyai ramai peminatnya dan juga individu yang mahir dalam pembuatannya. Namun, bagi Kraf Jebak Puyuh ini bilangan individu yang mahir dalam seni pembuatannya tidak ramai dan beliau mengambil keputusan untuk meneruskan pembuatan Kraf Jebak Puyuh ini selagi beliau masih sihat. Pada hari ini, beliau masih lagi giat menghasilkan Jebak Puyuh untuk memenuhi permintaan pelanggan. Akhir sekali, Che Mud berharap anak perempuannya Che Som binti Che Awang agar dapat meneruskan seni pembuatan Kraf Jebak Puyuh ini pada masa hadapan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kepelbagaian etnik dan bangsa yang wujud di Malaysia telah menyebabkan wujudnya pelbagai seni kraftangan masyarakat Malaysia yang mempunyai keunikan yang tersendiri. Kepelbagaian ini yang membezakan negara Malaysia dengan negara-negara lain di dunia. Kraf tangan masyarakat Malaysia bukan sahaja diminati oleh masyarakat dalam negara, namun ia juga telah menarik minat masyarakat dari luar negara disebabkan oleh seni pembuatannya yang teliti dan juga mempunyai nilai estetika yang tinggi.

Kraf warisan turun temurun ini melambangkan identiti sesebuah kaum atau bangsa yang tinggal di Malaysia. Terutamanya, kraf warisan bangsa Melayu seperti Jebak Puyuh ini melambangkan ketamadunan dan kreativiti bangsa Melayu pada masa dahulu. Namun, disebabkan peralihan zaman seni Kraf Jebak Puyuh ini mula disisihkan oleh masyarakat masa kini. Ini berlaku akibat pengaruh budaya barat sehinggakan kraf tradisional ini dianggap ketinggalan zaman. Oleh itu, adalah perlu bagi pihak yang bertanggungjawab untuk memelihara dan memartabatkan seni kraftangan masyarakat Malaysia supaya 'tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas'.

RUJUKAN

- Berita Harian. 2015. *Masyarakat Perlu Hargai Kualiti kraf Tempatan | Berita Harian*. [online] Available at: <<https://www.bharian.com.my/bhplus/old/2015/12/104566/masyarakat-perlu-hargai-kualiti-kraf-tempatan>> [Accessed 16 December 2020].
- Che Mud Che Awang. (2020, November 29). Personal communication [Personal interview].
- Haron, N., Rahman, N. H. S. N. A., Ramli, Z., Zakaria, R. M. A., & Wahab, M. R. A. (2014). Kesenian kraf-proses pembuatan Jebak Puyuh. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 27.
- HM Online. 2016. *Nilai Seni Kraf Jebak Puyuh*. [online] Available at: <<https://www.hmetro.com.my/node/152055>> [Accessed 16 December 2020].
- Lin, Seow. (2020). *Sejauhmanakah Sejarah Lisan penting dan diperlukan dalam penyelidikan dan penulisan sejarah?*. (Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- Marzudi Md Yunus (2018). Jebak Puyuh: Huraian Aspek Estetika, Gunaan dan Sosial, In Indrawati Zahid, Norhayati Ab Rahman, Pramono (Eds) (pp. 195-204). Kuala Lumpur, Pusat Kecemerlangan Melayu, Universiti Malaya.
- Mazidah, M., Wan Ahmad Fuad, H. W. A. A., Azni, A. R., & Radzuan, A. H. (1990). *Prosper dan masalah-masalah yang dihadapi oleh industry kraftangan di Malaysia/Mazidah Majid* (Doctoral dissertation, Faculty of Business and Management).
- Mohammad Nazzri, A. (2016). *Falsafah seni ukiran kayu Melayu/Mohammad Nazzri Ahmad* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Muda, M. S., Wan Mohd Amin, W. A. A., & Abd Halim, M. A. S. (2011). Usahawan kraf di Malaysia: analisa laluan terhadap perhubungan inovasi produk, komitmen perniagaan dan perkembangan perniagaan. In *The Malaysian National Economic Conference (PERKEM)* (Vol. 1, No. 2, pp. 208-217). Faculty of Economy and Management.
- Nik Azma, N. D. (2015). *Perkembangan industry kraftangan dan kesannya kepada ekonomi di negeri Kelantan* (Final Year Project Report, Universiti Malaysia Sarawak).
- Siti Nur Asyikin, binti Mohd Rozali. (2013) *Warisan budaya Jebak Puyuh di negeri Kelantan*. (Final Year Project Report, Universiti Malaysia Sarawak).
- Tokohadiguru.blogspot.com. 2012. *Adiguru Kraf Jebak Puyuh*. [online] Available at: <<http://tokohadiguru.blogspot.com/2012/04/adiguru-kraf-jebak-puyuh.html>> [Accessed 16 December 2020].
- Tokohadiguru.blogspot.com. 2012. *Latar Belakang Kraf Jebak Puyuh*. [online] Available at: <<http://tokohadiguru.blogspot.com/2012/04/latar-belakang-kraf-jebak-puyuh.html>> [Accessed 16 December 2020].

Zaharan, H. (2000). *Warisan Seni Budaya Dan Pelancongan Negeri Kelantan* (Doctoral dissertation, Universiti Utara Malaysia).